

Headline	MDT rancang bangun taman mini ajaib		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	30 Sep 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	43	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	267 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,870
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,611



## MDT rancang bangun taman mini ajaib



Taman Bunga Raya bakal berubah wajah apabila MDT merancang mewujudkan taman mini ajaib di kawasan rekreasi itu yang bakal ditanam dengan pelbagai jenis pokok bunga berwarna-warni.

**TANGKAK-** Taman Rekreasi Bunga Raya, Bandar Tangkak di sini, bakal berubah wajah apabila pihak Majlis Daerah Tangkak (MDT) dalam perancangan mewujudkan konsep taman mini ajaib di kawasan riadah berkenaan.

Melalui projek itu, ratusan kuntum bunga pelbagai warna bakal menghiasi taman rekreasi tersebut, sekali gus berupaya mewujudkan sebuah lagi tempat menarik di daerah ini.

Yang Dipertua MDT, Ezahar Abu Sairan berkata, taman rekreasi seluas hampir 1.4 hektar itu akan dihiasi dengan pokok bunga pelbagai warna di laluan sepanjang kira-kira 0.62 hektar.

Menurutnya, pihaknya menjalinkan kerjasama dengan **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim)** bagi menjayakan projek ter-

**Taman Bunga Raya sering menerima kunjungan terutama pada waktu pagi dan petang termasuk keluarga yang membawa anak kecil mereka beriadah di situ.** - Ezahar

sebut yang dijangka bermula dalam tempoh terdekat.

"Kita telah menerima peruntukan sebanyak RM100,000 daripada Frim dan buat masa ini jumlah sebenar pokok bunga yang bakal ditanam di situ belum dapat dianggarkan kerana ia bergantung kepada

jumlah peruntukan tersebut.

"Namun yang pasti jenis pokok bunga yang ditanam akan mengandungi pelbagai warna, yang mana ia boleh mencerikan pandangan orang ramai di situ," katanya.

Beliau berkata, pemilihan lokasi projek berkenaan di Taman Bunga Raya adalah bertepatan berikutan kawasan tersebut sering menjadi tumpuan orang ramai.

"Taman Bunga Raya sering menerima kunjungan terutama pada waktu pagi dan petang termasuk keluarga yang membawa anak kecil mereka beriadah di situ.

"Justeru, melalui kemeriahan yang terdapat di situ, pihak kami bersetakat mewujudkan taman mini ajaib di kawasan berkenaan bagi mencerikan lagi pemandangan orang ramai," katanya.